

MESYUARAT MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ) – No. 9600001
LEMBAGA SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR (NREB) SARAWAK

Bil. : 1/2022
Tarikh : 21 April 2022 (Khamis)
Masa : 2.30 petang
Tempat : Bilik Mesyuarat Tingkat 20, Ibu Pejabat NREB
dan Zoom Meeting (*Hybird*)

HADIR

Pengerusi Mesyuarat : Encik Paul Bond Chamberlin

Pengerusi Pekerja : Puan Christina Leysia

Setiausaha Pengurusan : Datin Hjh. Mariati bt Hj. Yaman

Setiausaha Pekerja : Cik Jenefer Lu Yann Rong

Ahli-Ahli (Pengurusan) : Puan Rahmah Biak
Puan Penny Sumok
En. Tsai Koh Fen
Cik Elizabeth ak Dato Nyomek

Ahli-Ahli (Pekerja) : En. Mohamad Hanafi Hj Sapiee
En. Felix Joe ak Daud
Pn. Sinanawati Marto
Pn. Marinni binti Dato Khir
Cik Nanku ak Apoi
Pn. Felica ak Simud
En. Wilfred Johnny Temaga
Pn. Florence Anding
En Wan Ridzuan bin Wan Laila
En. Khalik Mohamad Noh
En. Burhannudin bin Suai
Pn. Dayang Duraiza Binti Hj Awang Jangka
En. Aseng Nois
En. Seman bin Hj Ali
Pn. Catherine Jamban
Pn. Biti ak Bundan
En. Faizal Leman
Pn. Jeti Sundi

Tidak Hadir Dengan Izin : Pn. Peggy Ronin anak Edin
En. Kenny Poon
Pn. Helda Ponen
En. Dave Taylor ak Ayai

NO	PERKARA	MAKLUMAN/ TINDAKAN
1.0	Perutusan Pengerusi	
	<p>Pengerusi mengalu-alukan kedatangan semua yang hadir ke Mesyuarat MBJ Bil.1/2022.</p> <p>Sebelum memulakan mesyuarat, Pengerusi Mesyuarat mengambil kesempatan untuk memperingati bekas kakitangan NREB, mendiang Encik Dania Godeb yang telah meninggal dunia pada 20 April 2022. Jasa beliau dikenang oleh warga NREB.</p> <p>Pengerusi Mesyuarat juga memohon supaya semua kakitangan terus memainkan peranan dalam menangani penularan COVID-19 dengan mematuhi Garis Panduan terkini.</p> <p>Puan Christina Leysia, selaku Pengerusi Pekerja memaklumkan bahawa bahawa Pra-MBJ telah diadakan pada 19 April 2022 bagi membincangkan dan menapis usul-usul yang akan dikemukakan pada mesyuarat MBJ kali ini.</p>	Semua (M)
2.0	Pengesahan Minit Mesyuarat	
	Minit Mesyuarat Bil. 3/2021 telah disahkan tanpa sebarang pindaan.	Semua (M)
3.0	Perkara-Perkara Berbangkit	
3.1	Penerbitan Buletin Tuyang	
	Pengerusi Pekerja memaklumkan bahawa Buletin Tuyang Vol.2, Isu 2 bagi Tahun 2021 (Julai-Disember) dalam proses kemaskini. Beliau memaklumkan bahawa gambar-gambar telah dimohon dan dikumpul dari Ibu Pejabat dan Pejabat NREB. Deraf Buletin akan disiapkan pada bulan Mei.	Semua (M) Pihak Pekerja (T)
3.2	Pelan Strategik Dan Cadangan Sumber Manusia	
	Pihak Pengurusan masih menunggu maklumbalas daripada Pengerusi Lembaga berhubung dengan kelulusan carta organisasi dan cadangan sumber manusia. Pengerusi hanya meluluskan Pelan Strategik 2030 dan kertas kerja yang lain akan dibincangkan dalam Mesyuarat Lembaga Ke-39. Mesyuarat Lembaga Ke-39 yang dirancang sejak bulan Mac 2022 telah ditangguhkan sebanyak dua kali dan sehingga kini tarikh mesyuarat belum ditetapkan oleh Jabatan Premier Sarawak.	Semua (M)

NO	PERKARA	MAKLUMAN/ TINDAKAN
	<p>b. Kemudahan Subsidi Perubatan Kepada Pesara Pihak Pengurusan memaklumkan bahawa kertas usul cadangan untuk kemudahan subsidi perubatan kepada pesara masih menunggu kelulusan daripada Pengerusi Lembaga dan akan dibincangkan dalam Mesyuarat Ke -39 Lembaga Pengarah.</p>	Semua (M)/
3.8	<p>Kos ujian saringan COVID-19 yang ditanggung NREB Pengurusan memaklumkan bahawa deraf garis panduan berhubung saringan COVID-19 yang telah dikongsi di dalam mesyuarat lepas tidak lagi dapat digunapakai sepenuhnya memandangkan Malaysia telah berpindah ke tahap endemik mulai pada 1 Mei 2022. Deraf berkenaan akan ditambah baik mengikut situasi semasa.</p>	Semua (M)/ Pihak Pengurusan (T)
3.9	<p>Status NREB sebagai Badan Penguatkuasa Seksyen AHRF telah berhubung dengan Unit Keselamatan dan Penguatkuasa Negeri (UKPN) dan pihak UKPN telah memanjangkan Senarai Nama Kementerian Dan Jabatan Yang Berkaitan Dengan Undang-Undang seperti di lampiran. NREB termasuk di dalam senarai tersebut. Walau bagaimanapun, tidak ada senarai yang telah diwartakan berhubung dengan perkara tersebut. Pihak UKPN juga memaklumkan bahawa agensi yang mempunyai kuasa dalam bidang penguatkuasaan adalah merupakan agensi penguatkuasa. Pengerusi Mesyuarat memohon supaya Seksyen AHRF untuk mendapat pengesahan daripada pihak UKPN berkenaan penyediaan pakaian seragam penuh (untuk penguatkuasa) kepada Pembantu Penguatkuasa (EA) memandangkan NREB termasuk di dalam Senarai Nama Kementerian Dan Jabatan Yang Berkaitan Dengan Undang-Undang.</p>	Semua (M)/ Pihak Pengurusan (T)
3.10	<p>Kemaskini sambungan talian telefon di tingkat 18 dan tingkat 19 di Ibu Pejabat Pihak Pengurusan memaklumkan bahawa, menurut maklum balas daripada AAO Khalik Mohamad Noh, beliau tidak lagi menerima sebarang masalah berkaitan talian telefon daripada Tingkat 18 dan 19 untuk staf yang telah diarahkan berpindah sebelum ini. Untuk arahan perpindahan yang baharu, sekiranya, masih terdapat isu berkaitan talian telefon staf hendaklah menghubungi AAO Khalik Mohamad Noh</p>	Semua (M)/ Pihak Pengurusan (T)

NO	PERKARA	MAKLUMAN/ TINDAKAN
3.10	Pihak Pekerja memohon supaya senarai nombor telefon kakitangan yang telah dikemaskini juga dimajukan kepada <i>webmaster</i> NREB untuk tujuan mengemaskini direktori staf di dalam laman web rasmi NREB.	Semua (M)/ Pihak Pengurusan (T)
3.11	<p>Menyediakan <i>Personal Protective Equipment</i> (PPE) kepada kakitangan setiap dua (2) tahun sekali</p> <p>Pihak Pengurusan memaklumkan bahawa <i>Personal Protective Equipment</i> (PPE) akan disediakan kepada kakitangan NREB setiap dua (2) tahun sekali dan diselaraskan antara Ibu Pejabat dan semua pejabat NREB. Tanggungjawab dalam menyediakan PPE ini akan diambil alih oleh Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan NREB.</p>	Semua (M)/ Pihak Pengurusan (T)
3.12	<p>Penjagaan Aset Pejabat</p> <p>Pihak pengurusan di bawah Jawatankuasa Pengurusan Aset NREB telah membincangkan cadangan untuk mengenakan tindakan surcaj terhadap staf yang didapati cuai sehingga menyebabkan kehilangan ataupun kerosakan pada aset NREB. Pihak pengurusan akan merujuk kepada agensi-agensi lain sebelum menetapkan kuantum yang akan dikenakan untuk kehilangan aset kerajaan.</p>	Semua (M)/
4.0	Perkara-Perkara Baharu	
4.1	<p><i>Medical Chit</i> untuk Pesara NREB</p> <p>Pihak Pekerja memohon supaya kemudahan <i>Medical Chit</i> diberikan kepada pesara NREB sekiranya usul kemudahan perubatan kepada pesara NREB diluluskan bagi memudahkan proses ke klinik panel.</p> <p>Pihak Pengurusan memaklumkan bahawa <i>Medical Chit</i> tidak akan disediakan untuk pesara sekiranya usul diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Pesara hendaklah menuntut jumlah bil yang telah dibayar daripada NREB. Ini adalah untuk mengawal perbelanjaan supaya tidak melebihi peruntukan.</p>	Semua (M)/ Pihak Pengurusan (T)
4.2	<p>Kenaikan Pangkat Secara <i>Time-Based</i> (KUP)</p> <p>Pihak Pekerja memohon supaya pihak pengurusan mengemaskini senarai staf yang sudah genap 13 tahun berkhidmat dan layak untuk kenaikan pangkat secara <i>time-based</i>. Contohnya ialah seperti berikut:</p>	Semua (M)/ Pihak Pengurusan (T)

NO	PERKARA	MAKLUMAN/ TINDAKAN
	<ul style="list-style-type: none"> i. Gred N19 ke Gred N22 ii. Gred C29 ke Gred C32 iii. Gred KP19 ke Gred KP22 iv. Gred N29 ke N32 v. Gred KP22 ke KP26 vi. Gred N11 ke N14; dan vii. Gred H11 ke H14 <p>Pihak Pengurusan memaklumkan bahawa pengurusan sedang menyediakan kertas kerja untuk staf yang layak KUP13 dan juga untuk staf yang sebelum ini dinaikkan pangkat ke jawatan kenaikan pangkat misalnya, N32 atau C32 dan layak untuk kenaikan pangkat secara KUP ke gred kenaikan pangkat seterusnya iaitu N36 dan C38.</p>	
4.3	<p>Kenaikan Pangkat Secara Lantikan (KPSL)</p> <p>Pihak Pekerja mencadangkan kepada pihak pengurusan untuk menguna pakai Pekeliling Bil.09/2015 bertajuk Syarat dan Panduan Menduduki Peperiksaan Peningkatan Secara Lantikan (PSL). Dalam minit lepas pentadbiran ada memaklumkan hanya terpakai untuk Gred N & W sahaja tetapi merujuk Memo SHRU tersebut, tiada menyatakan hanya untuk Gred N & W sahaja. Pihak Pekerja memohon supaya Pihak Pengurusan untuk mengeluarkan Memo yang jelas berkaitan KPSL, untuk makluman staf.</p> <p>Pihak pengurusan telah memaklumkan sebelum ini bahawa mesyuarat HRC tidak mahu menguna pakai KPSL untuk staf yang memegang jawatan teknikal. Pihak Pengurusan telah menjelaskan bahawa NREB adalah Badan Berkanun Negeri dan tidak terikat untuk menguna pakai pekeliling tersebut. Segala keputusan adalah tertakluk kepada keputusan mesyuarat HRC.</p>	Semua (M)/ Pihak Pengurusan (T)
4.4	<p>Senarai Butiran Jawatan di Setiap Seksyen dan Pejabat Bahagian NREB</p> <p>Pihak Pekerja memohon majikan untuk menyenaraikan butiran jawatan, bilangan dan gred yang telah diperuntukan/diluluskan di setiap seksyen dan pejabat bahagian NREB sebelum arahan perpindahan stesen bertugas staf yang dikeluarkan baru-baru ini.</p> <p>Pihak Pengurusan memaklumkan bahawa butiran jawatan yang sedia ada untuk setiap seksyen dan pejabat NREB memang ada tetapi disebabkan oleh keperluan perkhidmatan dan arahan semasa yang</p>	Semua (M)/ Pihak Pengurusan (T)

NO	PERKARA	MAKLUMAN/ TINDAKAN
	dikeluarkan oleh pihak pengurusan butir-butir jawatan dan bilangan pegawai yang ditempatkan di setiap seksyen ataupun Pejabat NREB telah berubah.	
4.5	<p>Penggunaan Sistem <i>On-line</i> untuk Mengemaskini Rekod Perkhidmatan</p> <p>Pihak Pekerja memohon supaya NREB menggunakan sistem <i>on-line</i> seperti HRMIS dan GEMS bagi tujuan kemaskini rekod perkhidmatan kakitangan NREB dan dapat <i>inter-link</i> dengan sistem yang sedia ada. Hal ini kerana terdapat kakitangan tidak mengetahui sama ada rekod perkhidmatan kakitangan tersebut sudah dikemaskini atau pun tidak.</p> <p>Pihak Pengurusan memaklumkan bahawa sistem HRMIS adalah sistem untuk kakitangan Kerajaan Persekutuan manakala sistem GEMS adalah sistem dalaman khusus Unit Sumber Manusia Negeri sahaja.</p> <p>Pihak Pengurusan memaklumkan bahawa rekod perkhidmatan dikemaskini menggunakan Excel dan staf boleh memohon daripada Unit HR sekiranya mereka perlu menyemak rekod perkhidmatan masing-masing.</p>	Semua (M)/ Pihak Pengurusan (T)
4.6	<p><i>Refresher Course</i> CACTUS</p> <p>Pihak Pekerja memohon untuk mengadakan <i>Refresher Course</i> CACTUS untuk kakitangan Pejabat NREB Sibul dan dipanjangkan kepada pejabat bahagian lain sekiranya memerlukan. Hal ini kerana taklimat yang dijalankan pada tahun lepas secara <i>on-line</i> kepada pejabat bahagian NREB tidak mencukupi dan sukar difahami.</p> <p>Pihak Pengurusan memaklumkan bahawa kursus CACTUS akan diadakan untuk kakitangan pejabat bahagian NREB bagi memastikan penggunaan sistem CACTUS dapat digunakan secara menyeluruh oleh NREB.</p>	Semua (M)/ Pihak Pengurusan (T)
5.0	Hal-Hal Lain	
5.1	<p>Mesyuarat MBJ Secara Bersemuka</p> <p>Pihak Pekerja memohon supaya Mesyuarat MBJ yang akan datang dapat diadakan secara bersemuka memandangkan tiada sekatan untuk merentas daerah lagi.</p>	Semua/ Pihak Pengurusan (M)

NO	PERKARA	MAKLUMAN/ TINDAKAN
5.2	<p>Tuntutan Palsu</p> <p>Pihak Pengurusan mengingatkan kepada staf untuk tidak mengemukakan tuntutan palsu. Pihak Pekerja diingatkan bahawa tuntutan berulang sekiranya didapati berlaku adalah merupakan tuntutan palsu.</p> <p>Pihak Pengurusan mengingatkan semua kakitangan untuk mengamalkan integriti dan memastikan kes sedemikian tidak berlaku dan sekiranya berlaku tindakan punitif akan dikenakan kepada staf tersebut.</p> <p>Pihak Pekerja mencadangkan supaya sistem ESS dapat ditambahbaik dengan menambah fungsi notifikasi kepada pengguna (staf) sekiranya terdapat tuntutan yang dibuat pada tarikh yang sama bagi mengelakkan tuntutan berulang.</p>	Semua (T)
5.3	<p>Market Survey Form</p> <p>Pihak Pengurusan memaklumkan bahawa pekeliling berkenaan <i>Market Survey Form</i> telah dikeluarkan. Pihak Pekerja diingatkan supaya mengisi <i>Market Survey Form</i> sekiranya hendak membuat pembelian yang hanya mempunyai satu (1) sebutharga.</p>	Semua (T)
6.0	<p>Penangguhan Mesyuarat</p>	
	<p>Mesyuarat ditangguhkan pada jam 4.16 petang dan ahli-ahli MBJ akan dimaklumkan tarikh, masa dan tempat mesyuarat yang akan datang.</p>	Semua (M)



DATIN HJH. MARIATI HJ. YAMAN

Setiausaha (Pengurusan)



JENERFER LU YANN RONG

Setiausaha (Pekerja)

Tarikh : 25.04.2022

Urusetia (Pengurusan) : Ibu Pejabat NREB
(Seksyen Pentadbiran, Sumber Manusia dan Kewangan)
Tel.: 082-319 500/319 511 Faks: 082-312 800

Urusetia (Pekerja) : Ibu Pejabat NREB
Tel.: 082-312 642 Faks: 082-312 800